

LATIHAN MENEMBAK SKUADRON 322 TUDM BUKIT IBAM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2249-latihan-menembak-skuadron-322-tudm-bukit-ibam

BUKIT IBAM, 10 Ogos 17 – Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam telah menganjurkan satu latihan menembak peringkat Pangkalan yang diadakan di Lapang Sasar Markas Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am Bukit Galing Kem. Latihan menembak ini dijalankan secara berperingkat selama 2 hari mulai 10 dan 11 Ogos 17 yang melibatkan kesemua lapisan anggota Skn 322.



Turut hadir pada latihan tersebut ialah Pegawai Memerintah Skn 322, Lt Kol Sharidan bin Nemas TUDM. Latihan menembak ini merupakan salah satu latihan ketenteraan yang telah direncanakan sepanjang tahun 2017. Latihan menembak ini bertujuan bagi meningkatkan tahap kemahiran mengendalikan senjata api bagi setiap warga Skn.



Latihan bertujuan untuk melatih dan mempraktikkan kemahiran asas ketenteraan dan mengikut Arahan Latihan yang telah dikeluarkan yang merakumi empat praktis iaitu duduk, melutut, meniarap dan berdiri bagi meliputi jarak tembakan sejauh 100 meter dan 200 meter.

Selain itu dapat mendedahkan anggota kepada pengendalian dan pentadbiran latihan menembak di lapang sasaran serta aspek-aspek keselamatan dan pendedahan kepada aspek pemerintahan begitu juga kawalan kepada anggota-anggota terutama PTT Kanan dan PTT Rendah serta menguji tahap kejasama berpasukan.